

30/06/1998

Negeri sepakat kerjasama air (HL)

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua negeri bersetuju mengadakan kerjasama membekalkan air antara negeri tanpa perlu melakukan sebarang pindaan terhadap perlembagaan negeri masing-masing.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perkara itu dipersetujui di mesyuarat pertama Majlis Air Negara (MAN) yang diubah namanya kepada Majlis Sumber Air Negara (MSAN) hari ini.

Menurut Perdana Menteri, mesyuarat itu juga bersetuju supaya urusetia majlis itu ditempatkan di Jabatan Kerja Raya (JKR).

Memberitahu sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini, Dr Mahathir berkata perbincangan turut membabitkan beberapa pendapat mengenai cara bagaimana air dari sebuah negeri dapat disalurkan ke negeri lain.

Beliau berkata, turut dibincangkan ialah mengenai bayaran.

"Apakah patut dibayar atau tidak, atau bayaran hanya dikenakan untuk air mentah atau air dirawat. Bagaimana kita hendak mengenakan bayaran itu dan kegunaan air itu sama ada untuk penggunaan tempatan, penjanaan kuasa dan pertanian.

"Perkara ini tidak ada keputusan, cuma perbincangan dibuat. Satu kertas kerja akan disediakan oleh urusetia supaya ia dapat dibincang dengan lebih tepat dan mendalam mengenai cara kerjasama antara negeri akan diadakan," katanya.

Cadangan mengenai penubuhan MSAN, ditimbulkan buat kali pertama pada 1994 tetapi ditolak oleh beberapa kerajaan negeri. Bagaimanapun berikutan masalah air serius, khususnya di Lembah Klang pada April lalu, Kabinet mengarahkan Kementerian Kerja Raya menyiapkan draf penubuhan majlis itu, untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat berbincang dengan kerajaan negeri.

Dr Mahathir berkata, perkara utama yang ditimbulkan kerajaan negeri ialah mengenai soal bayaran dan jenis air yang patut dibekalkan.

"Kita tidak dapat membuat keputusan kerana ada pendapat yang berkata air mentah tidak harus dikenakan bayaran, ada pihak pula berkata air mentah patut dibayar dan air dirawat juga patut dibayar.

"Ada pula yang berkata bahawa kadang-kadang sungai itu mengalir dari sebuah negeri ke negeri lain, tetapi negeri yang akhir saja mengambil air tanpa membayar kepada negeri yang hulu sungai itu berada... macam-macam masalah.

"Umpamanya Kedah, ia membekalkan air ke Pulau Pinang tanpa dibayar apa-apa, sebaliknya Kedah membekal air kepada Perlis, tapi Perlis membuat bayaran tertentu kepada negeri itu.

"Demikian juga air dibekal oleh Johor kepada Melaka. Air mentah tetapi ia datang dari Negeri Sembilan, tetapi yang dapat kutip (mendapat bayaran) Johor saja... macam-macam perkara dibangkit," katanya mengulas mengenai perbincangan membabitkan soal bayaran.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata JKR perlu menyediakan kajian teliti mengenai perkara itu dan mencari penyelesaian jangka panjang bagi semua masalah yang berbangkit daripada soal air.

"Ini adalah antara penyelesaian langkah panjang kerana kita perlu membawa air dari negeri yang tidak mengguna air tetapi mempunyai banyak air, ke negeri yang memerlukan lebih banyak air tetapi tidak mempunyai bekalan yang cukup," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata MSAN tidak memberi tempoh bila

masalah air dapat diselesaikan secara muktamad.

"Masalah air ini tidak boleh diselesaikan (dalam jangka masa pendek) hanya dengan kerjasama antara negeri, kerana pembinaan terowong dan sebagainya akan mengambil masa lama. Tetapi dalam jangka panjang, ia akan menyelesaikan masalah yang dihadapi.

"Masa ini, tindakan setempat sudah diambil bagi memaksimumkan penggunaan air. Sekarang ini berlaku banyak pembaziran. Air ada tapi bocor sana, bocor sini, air tak dapat jalan dan sebagainya," katanya.

(END)